

Tatacara Pendaftaran Kes Nafkah

- (i) Tuntutan hendaklah difailkan di Mahkamah Syariah.
- (ii) Dokumen pendaftaran kes hendaklah difailkan seperti berikut:
 - ✓ Surat iringan pemfailan kes
 - ✓ Penyata tuntutan
 - ✓ Salinan kad pengenalan plaintif
 - ✓ Salinan sijil nikah/cerai atau pengesahan nikah/cerai
 - ✓ Wakalah Peguam Syarie (jika guna khidmat peguam)
 - ✓ Lain-lain dokumen berkaitan tuntutan (jika ada)

NOTA PERINGATAN:

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.

ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-257032 088-258549
FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN
BANGUNAN URUSETIA NEGERI
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155
FAKS:089-670150

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU
BANGUNAN MCKKA HOLDING, JALAN ABACA,
PETI SURAT 1882
91043 TAWAU
TEL:089-765942, 089-760908
FAKS:089-765942

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU
TEL:087-334227, FAKS:087-339980

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-253579 FAKS:088-219066



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

NAFKAH



NAFKAH

Definisi

Nafkah dari segi istilah ialah semua perkara yang diperlukan oleh manusia seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal.

Dalil Pensyariatan

Firman Allah SWT yang bermaksud;

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang perempuan, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka".

(Surah al-Nisa' 34)

Firman Allah SWT yang bermaksud;

"...Dan kewajiban bapa pula ialah memberikan makanan dan pakaian kepada ibu menurut cara yang sepatutnya".

(Surah al-Baqarah:233)

Jenis-Jenis Nafkah

Di antara hak-hak nafkah yang boleh dituntut oleh isteri/anak di Mahkamah Syariah adalah seperti berikut:

1. Nafkah diri
2. Nafkah anak
3. Tunggakan nafkah isteri
4. Tunggakan nafkah anak
5. Hak mendapatkan tempat tinggal
6. Nafkah eddah

1. Nafkah Diri

Mengikut Hukum Syarak isteri yang taat dan tidak disabitkan nusyuz oleh Mahkamah Syariah berhak mendapat nafkah daripada suaminya. Perkara ini diperuntukkan di bawah seksyen 60 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004.

Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah suaminya iaitu antara lain;

- (a) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;
- (b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya; atau
- (c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.

2. Nafkah Anak

Nafkah anak ialah nafkah yang wajib diberikan oleh bapa kepada anak-anak di bawah tanggungannya samada perbelanjaan makan minum, tempat tinggal, pakaian, perubatan dan pelajaran yang munasabah mengikut kemampuannya.

3. Tunggakan Nafkah Isteri

Tunggakan nafkah ialah nafkah yang tidak ditunaikan oleh suami kepada isterinya dalam tempoh perkahwinan dan menjadi hutang ke atas suaminya dan wajib dibayar. Tunggakan ini boleh dituntut di mana-mana Mahkamah Syariah.

4. Tunggakan Nafkah Anak

Nafkah anak wajib dikeluarkan oleh bapa. Sekiranya nafkah tersebut tidak dijelaskan, maka ia akan menjadi hutang yang perlu dibayar. Nafkah anak tidak menjadi hutang melainkan diperintahkan oleh mahkamah.

5. Hak Mendapatkan Tempat Tinggal

Hak tempat tinggal wajib disediakan oleh suami sepanjang tempoh perkahwinan.

Di dalam seksyen 72 (1) Enakmen Keluarga Islam 2004 memperuntukkan perempuan yang diceraikan berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal semasa dia berkahwin selagi suami tidak mendapatkan tempat tinggal lain yang sesuai untuknya.

Hak tempat tinggal akan terhenti jika tempoh 'iddah telah tamat atau tempoh penjagaan anak telah tamat atau perempuan itu telah berkahwin semula atau jika perempuan itu telah bersalah melakukan perbuatan yang memberahikan secara terbuka (fahisyah). Setelah berlaku salah satu perkara tersebut, suami boleh memohon kepada mahkamah untuk dikembalikan rumah itu kepadanya.

6. Nafkah Eddah

Nafkah eddah ialah nafkah yang wajib diberi oleh suami kepada isteri yang diceraikan selama masa berada dalam tempoh eddah raj'i'e. Nafkah eddah meliputi saraan keperluan asasi mengikut hukum syarak iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal.